

# CANEZIN CREAM

Clotrimazole (1% w/w)

## Apakah yang ada dalam risalah ini:

1. Apakah kegunaan Canezin Cream
2. Bagaimanakah Canezin Cream berfungsi
3. Sebelum menggunakan Canezin Cream
4. Cara menggunakan Canezin Cream
5. Semasa menggunakan Canezin Cream
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Canezin Cream
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh Kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Canezin Cream

Ia diguna untuk merawat jangkitan kulit yang disebabkan oleh *dermatophytes*, *yis*, kulat dan kulat lain.

## Bagaimanakah Canezin Cream berfungsi

Clotrimazole adalah bahan aktif untuk Canezin Cream. Clotrimazole sejenis ejen anti-kulat yang bertindak dengan menghalang pertumbuhan kulat.

## Sebelum menggunakan Canezin Cream

### -Bila tidak boleh menggunakan

Jika anda alergi (hipersensitif) kepada Clotrimazole atau sebarang bahan-bahan yang terkandung di dalam Canezin Cream.

### -Sebelum mula menggunakan Canezin Cream

Anda perlu memberitahu doktor anda jika:

- Anda alergi terhadap ubat yang anda pernah ambil untuk merawat keadaan semasa anda.
- Anda hamil, merancang untuk hamil atau sedang menyusu anak.

### -Jika mengambil ubat-ubatan lain

Beritahu doktor jika anda mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

## Cara menggunakan Canezin Cream

### -Berapa banyak harus digunakan

Sapu krim pada kulit.

### -Bila perlu digunakan

Sapukan dua atau tiga kali sehari atau seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

### -Berapa lama harus digunakan

Guna ubat ini untuk 2 hingga 4 minggu atau mengikut tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

### -Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Sapukan dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan kemudian teruskan menyapu ubat mengikut jadual seperti biasa. Jangan sapukan dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

### -Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika dos berlebihan telah digunakan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Gejala terlebih dos seperti pening, loya, atau muntah mungkin berlaku.

## Semasa menggunakan Canezin Cream

### -Perkara yang perlu dilakukan

- Guna ubat anda mengikut arahan doktor.
- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Canezin Cream.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Hubungi doktor anda jika gejala anda bertambah teruk atau tiada perubahan selepas 4 minggu rawatan.

### -Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.
- Jangan mula menggunakan sebarang ubat baharu tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan memberi Canezin Cream kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

### -Perkara yang perlu diberi perhatian

Untuk kegunaan luar. Jangan menelannya.

## Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat, Canezin Cream boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mendapatnya. Kesan sampingan yang mungkin berlaku dengan ubat ini adalah seperti berikut:

- Ruam kulit
- Geligata
- Kulit melepuh
- Kulit rasa terbakar
- Kulit gatal
- Kulit mengelupas
- Kulit menjadi merah
- Kulit rasa tersengat
- Kulit menjadi bengkak
- Tanda iritasi kulit lain yang tidak kelihatan sebelum rawatan

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web [npra.gov.my](http://npra.gov.my) [*Consumers→Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

**Cara penyimpanan dan pelupusan  
Canezin Cream**

**-Penyimpanan**

Jangan guna selepas tarikh tamat tempoh yang dinyatakan pada tiub. Tarikh tamat tempoh merujuk kepada hari terakhir bulan tersebut.

Simpan pada suhu di bawah 30°C dalam bekas yang tertutup rapat. Lindungi daripada cahaya, haba, kelembapan dan pembekuan.

**Jauhi daripada pencapaian kanak-kanak.**

**-Pelupusan**

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

**Maklumat lanjut**

**-Rupa dan warna produk**

Krim putih dengan pewangi *whitening bouquet* dalam tiub aluminium dengan penutup putih.

**- Bahan-bahan kandungan**

- Bahan aktif

Setiap gram mengandungi 10mg  
Clotrimazole

- Bahan tidak aktif

Bahan-bahan lain adalah Propylene Glycol, mineral oil heavy, Benzyl Alcohol, Cetyl Alcohol, Stearic Acid, Polyoxyl 40 Stearate dan Whitening Bouquet

**-Nombor MAL:**

MAL06051301XZ

**Pengilang dan Pemegang Pendaftaran  
Produk**

Malaysian Pharmaceutical Industries  
Sdn. Bhd.

Plot 14, Lebuhraya Kampung Jawa,  
11900 Bayan Lepas, Penang, Malaysia.

**Tarikh kemaskini RiMUP**

27/04/2022

**Nombor Siri:**

NPRA(R2/1)220420/874